



Peradaban Melayu Islam pernah terbina lebih 500 tahun dahulu di Kepulauan Melayu meliputi segenap aspek kehidupan sosial, ekonomi dan siasah. Namun begitu, tempoh penjajahan yang lama menyebabkan peradaban tersebut mulai lenyap sedikit demi sedikit. Namun begitu, sebagai umat Islam usaha untuk mengembalikan pencapaian terdahulu tidak harus dihentikan, agar maruah dan kekuatan umat Islam di negara ini diperkukuh. Maka itu, sidang editorial *Dewan Tamadun Islam* baru-baru ini berpeluang mewawancara Datuk Wira Haji Abdul Halim Tawil, Mufti Negeri Melaka untuk berkongsi pandangan beliau berkenaan dengan pemeraksanaan umat Islam dalam usaha membina umat yang unggul.

Setiap negeri mempunyai beberapa agensi yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal agama Islam secara meluas dalam segenap aspek kehidupan Muslim. Selari dengan fungsi tersebut, bagaimanakah agensi agama di Melaka seperti Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) serta agensi di bawah MAIM, ataupun Jabatan Mufti Negeri Melaka sendiri, memainkan peranannya memperkasakan agama Islam?

Dalam struktur pentadbiran pengurusan Islam di negeri Melaka, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) ialah sebuah badan penggubal dasar yang diketuai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua

agama Islam berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka bagi tahun pindaan 2002. Dalam peruntukan itu, MAIM merupakan satu entiti untuk menggubal sesuatu dasar berkenaan dengan pembangunan, ekonomi dan sosial, dakwah dan pendidikan bagi negeri Melaka. Susulan penggubalan dasar tersebut, maka agensi yang berada di bawah pentadbiran MAIM, seperti Jabatan Agama Islam Melaka, Mahkamah Syariah Melaka, Baitulmal Majlis Agama



Melaka

Membina Peradaban Islam

Marsilawati Mohamad Rani



Islam Melaka, anak syarikat yang ditubuhkan oleh MAIM, serta Jabatan Mufti Negeri Melaka, berperanan dan bertanggungjawab melaksanakan dasar yang diputuskan oleh MAIM mengikut bidang yang diperuntukan.

Bagi Jabatan Mufti Negeri Melaka, ada tiga peranan yang dipertanggungjawabkan, iaitu yang pertama, mufti ialah penasihat kepada ketua agama Islam dalam perkara yang berkaitan dengan hukum syarak seperti yang termaktub dalam seksyen 33 enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka, yakni mufti hendaklah membantu dan menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam negeri Melaka. Peranan pejabat mufti menjadi rujukan utama dan memberikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Agama Islam Melaka.

Yang kedua, Jabatan Mufti berperanan sebagai institusi kefatwaan yang menjadi rujukan kepada masyarakat dalam perkara yang berkaitan dengan hukum syarak, akidah, muamalat, kepenggunaan, masyarakat, kekeluargaan, munakahat, dan sebagainya dalam perkara yang memerlukan pandangan hukum. Jabatan Mufti akan memberikan pandangan dan membimbing masyarakat supaya tidak terkeluar daripada prinsip syariah.

Prinsip syariah yang dimaksudkan berteraskan kepada tiga perkara, iaitu selari dengan pandangan akidah, syariah dan akhlak. Jabatan Mufti berperanan untuk melihat perkara yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat Islam. Selain itu, Jabatan Mufti turut berperanan menjelaskan hukum syarak yang memerlukan nasihat dan pandangan untuk disalurkan kepada masyarakat dan pandangan dalam perkara yang belum ada hukum. Demikianlah antara peranan mufti di bawah jawatankuasa fatwa, iaitu untuk mengeluarkan pandangan hukum bagi suatu perkara yang menjadi pertikaian atau perkara yang tidak ada rujukan hukum yang sebelumnya yang dinamakan fatwa. Fatwa dapat dilihat dari dua sudut, iaitu fatwa yang diwartakan yang akan menjadi satu peraturan yang boleh disabitkan jika melanggarnya menjadi satu kesalahan. Fatwa tersebut menjadi rujukan kepada mahkamah dan hendaklah dipatuhi. Jika fatwa tidak diwartakan, maka hal tersebut

akan menjadi panduan umum kepada masyarakat untuk diikuti atau menjauhi suatu perkara yang diputuskan.

Yang ketiga, Jabatan Mufti berperanan membangunkan kepentingan ilmu astronomi atau falak Islam. Maka itu, Kompleks Falak yang terletak di Tanjung Bidara, di Kampung Balik Batu dibina sebagai pusat pendidikan, penyelidikan, dan pelancongan yang menjadi mercu tanda pembangunan Islam.

Umat Islam pernah dikenali sebagai pembangun tamadun gemilang suatu masa dahulu. Tamadun yang terbina ini amat berkaitan rapat dengan kualiti modal insan mengikut model Rasulullah SAW. Bagaimanakah untuk mengatasi cabaran membangunkan kualiti modal insan ini bagi melahirkan umat Islam yang cemerlang?

Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang terbaik dan menjadi rujukan oleh para sahabat dalam segala aspek kehidupan. Kemuliaan kepimpinan Rasulullah ini berjaya melahirkan generasi sahabat yang unggul. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia." Baginda diutus untuk menyempurnakan akhlak pada zaman jahiliah, zaman yang mengalami kebobrokan dan kefasadan akhlak dan tingkah laku, serta kepercayaan kepada unsur khurafat.

Oleh itu, cabaran pertama yang perlu dibangunkan ialah pembangunan personaliti modal insan seperti yang pernah dibangunkan oleh Rasulullah SAW dengan sahsiah dan keperibadian yang unggul. Oleh itu, generasi yang perlu dibangunkan merupakan insan rabbani yang mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang tinggi dan patuh menjaga hubungan dengan Allah sebagai pencipta. Kekuatan akidah yang benar akan meletakkan keyakinan dan kebergantungan pada Allah SWT sepenuhnya. Pada hari ini, ancaman akidah menyerang pada semua peringkat. Golongan remaja dipengaruhi dengan cara hidup bebas, budaya kuning, dan pengaruh media tanpa kawalan. Golongan dewasa pula dipengaruhi dengan hiburan keterlaluan, kebebasan berfikir dan bercakap. Golongan tua pula dipengaruhi dengan ajaran sesat dan ketaasuban. Oleh hal yang demikian, generasi rabbani yang dibangunkan berprinsipkan Ahli Sunah Waljamaah sebagai teras dalam kekuatan akidah agar berupaya menolak fahaman yang merosakkan akidah, seperti liberalisme,



pluralisme, antihadis, ajaran sesat dan ketaksuban yang melampau.

Cabaran yang kedua ialah pembangunan dari sudut pemahaman syariah. Umat Islam kini semakin mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pematuhan syariah, seperti dalam aspek ekonomi, pemakanan dan pemakaian. Umat Islam perlu memahami dengan jelas konsep tasawur Islam tentang pematuhan prinsip syariah berdasarkan al-Quran, hadis, kata-kata sahabat, serta apa-apa yang diputuskan berdasarkan kaedah fiqh. Oleh itu, setiap tindakan kita perlu menepati maqasid syariah.

Cabaran yang ketiga ialah pembangunan akhlak dan sahsiah. Pada hari ini, kita menghadapi cabaran akhlak dan adab remaja yang semakin luntur. Elemen akhlak dan sahsiah ini hendaklah dibangunkan berteraskan ilmu. Kita berkehendakkan generasi berilmu yang mempunyai nilai intelektual, memiliki kemahiran dan menguasai teknologi. Dunia hari ini menitikberatkan elemen pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang, tetapi bagi umat Islam, hal ini perlu dipandu dengan syariah untuk melahirkan generasi seperti yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW.

Pada hakikatnya, tidak ada manusia yang sempurna, kerana sifat manusia yang lemah. Kita berhasrat untuk melahirkan kesempurnaan dalam segala aspek kehidupan. Namun begitu, saya berpegang dari sudut fiqh, iaitu jika kita tidak dapat mencapai dan menguasai semuanya, janganlah kita meninggalkan semuanya. Realitinya, bukan mudah untuk kita berhadapan dengan cabaran, hakikatnya manusia diciptakan untuk menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran. Maka itu, kita perlu berhadapan walau dalam kekurangan untuk mengatasi cabaran dan halangan dalam usaha membangunkan generasi unggul ini.

Bagi membina sebuah peradaban Islam, konsep hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam hendaklah difahami dan dihayati sebaik-baiknya. Bagaimanakah konsep ini dapat membina kekuatan ummah?

Umat Islam hendaklah memahami bahawa kita tidak meninggalkan dunia untuk akhirat, dan tidak meninggalkan akhirat untuk dunia. Dalam usaha menjaga kehidupan ini, sudah pasti kita perlu membina nilai insan yang ideal, iaitu menjaga hubungan yang baik dengan Allah SWT dengan penzahiran keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Dalam hal ini, aspek zahir dan batin hendaklah seiring. Maka itu, aspek peribadatan dan penampilan akhlak yang baik hendaklah dijaga

untuk menyempurkan hubungan kerohanian dengan Allah SWT. Apabila kita menjaga hubungan yang baik dengan Allah, maka kita dapat menjaga hubungan sesama manusia dengan baik, seperti ibu bapa, isteri, anak-anak, adik beradik dan saudara mara. Hubungan kekeluargaan ini perlu diberikan keutamaan kerana andai hubungan kekeluargaan ini diabaikan, maka timbullah isu kekeluargaan, seperti konflik antara anak dengan ibu dan bapa dan konflik dalam rumah tangga sehingga membawa perceraian. Apabila sistem kekeluargaan ini ranap, maka timbul kesukaran untuk membina dan menjalin hubungan sesama manusia.

Senario pola masyarakat yang mula berubah pada hari ini merupakan satu cabaran untuk memupuk semangat kejiwaan yang semakin terhakis. Sikap manusia yang mulai meninggalkan kehidupan bermasyarakat amat membimbangkan kerana hal ini akhirnya akan membentuk sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri, menjauhkan diri daripada bersilaturahmi dan melenyapkan sikap prihatin dalam diri. Sikap menjauhi masyarakat ini juga sedikit banyak dipengaruhi oleh keasyikan penggunaan peralatan teknologi komunikasi elektronik dan Internet tanpa kawalan. Budaya menziarah sesama ahli keluarga juga semakin berkurangan kerana lebih selesa duduk di rumah melayani peralatan komunikasi dan permainan elektronik.

Walau bagaimanapun, alhamdulillah, dalam suasana pandemik COVID-19 hari ini, masih terserlah nilai murni dalam masyarakat, seperti sikap saling menyantuni dan membantu golongan yang terjejas, serta meringankan bebanan mereka sama ada dalam kalangan keluarga, jiran mahupun orang awam. Sokongan dalam bentuk fizikal dan moral memperlihatkan nilai keprihatinan yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Bagi saya, inilah hikmah di sebalik pandemik yang berjaya mengangkat kembali nilai kemanusiaan yang semakin terhakis. Nilai yang telah dibina sejak sekian lama ini seharusnya dipupuk dan dikekalkan bagi melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Dalam konteks yang lebih luas pula, hubungan yang baik sesama manusia turut dipupuk dalam organisasi pertubuhan, masjid dan surau, serta organisasi pekerjaan, seterusnya sebuah negara, iaitu hubungan antara pemimpin dengan rakyat. Pemimpin mahukan rakyat yang setia, patuh kepada undang-undang, peraturan dan bekerjasama. Dalam konteks ekonomi, hubungan peniaga dengan pembeli hendaklah berdasarkan prinsip muamalat yang berpandukan syarak yang sentiasa menjaga kepentingan kedua-dua pihak



Agenda utama DMDI adalah untuk mengembalikan tonggak kekuatan dunia Melayu yang telah dibina sejak zaman berzaman yang berpegang pada manhaj Ahli Sunah Waljamaah.



yang berurusan. Oleh itu, setiap entiti dalam masyarakat bertanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan hubungan sesama manusia.

Sementara itu, tanggungjawab menjaga hubungan dengan alam pula hendaklah dihubungkan dengan akidah. Alam ciptaan Allah ini merupakan amanah kepada manusia untuk ditadbir dan dijaga dengan baik. Oleh itu, setiap manusia bertanggungjawab menjaga nilai kebersihan dan memulihara persekitaran agar keceriaan alam dapat diserlahkan. Fenomena cuaca yang tidak menentu kini memberikan petunjuk kepada kita agar kelestarian alam anugerah Allah ini perlu dijaga untuk generasi akan datang. Hal ini memberikan kesedaran dan keinsafan kepada kita bahawa alam ini bukan untuk keperluan hari ini sahaja, tetapi untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

Melaka merupakan sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) yang ditubuhkan sejak tahun 2000 lagi. Pada pandangan Datuk Wira, bagaimanakah sekretariat ini dapat menyemarakkan perkembangan Islam, seterusnya menyerlahkan kekuatan Islam di rantau ini ke arah pembinaan peradaban Islam?

Sejak tahun 2000, ketika negeri Melaka di bawah pentadbiran Tuan Yang Terutama Tun Setia Mohd Ali Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka sebagai ketua menteri pada ketika itu, beliau telah menubuhkan satu syarikat yang dinamakan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI). Saya juga pernah terlibat secara langsung sebagai ahli jawatankuasa dalam DMDI. Pengisian dan agenda yang telah direncanakan yang menjadi gagasan DMDI adalah untuk membina satu rangkaian bagi memperkasakan dunia Melayu. Dunia Melayu pernah memiliki kehebatan sehingga membentuk tamadunya yang sendiri. Andai dunia Melayu

tidak terjajah 500 tahun dahulu, saya percaya dunia Melayu akan mencipta ketamadunan yang tinggi dalam segala aspek. Namun begitu, hakikat sejarah yang tidak dapat dinafikan, keseluruhan dunia Melayu, khususnya, dan dunia Islam amnya, telah dijajah oleh kuasa Barat, seperti British, Belanda, Itali, Jerman dan Perancis rentetan perang Salib yang melanda umat Islam.

Kebangkitan semula dunia Melayu di bawah agenda DMDI membuktikan dunia Melayu meliputi wilayah yang luas. Dalam konteks serantau, wilayah ini terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura dan Kemboja, dan apabila diluaskan lagi, ada Melayu di Afrika, Cape Town, Australia, London, Pulau Surinam, dan Sri Lanka. Hingga kini DMDI telah berjaya menyatukan 22 buah negara yang sama-sama memainkan peranan mengangkat DMDI. Setiap negeri di Malaysia juga mempunyai pejabat sekretariatnya. Malah, sebahagian besar wilayah di Republik Indonesia juga telah menyertai sekretariat ini.

Agenda utama DMDI adalah untuk mengembalikan tonggak kekuatan dunia Melayu yang telah dibina sejak zaman-berzaman yang berpegang dengan manhaj Ahli Sunah Waljamaah. Hal ini bermakna dari sudut pegangan agama, orang Melayu terjelma sebagai orang yang beragama Islam. Walaupun ada orang Melayu yang tidak beragama Islam disebabkan faktor penjajahan, perkahwinan dan sebagainya, tetapi secara umumnya Melayu akan dirujuk sebagai orang Islam dan mengamalkan adat resam dan nilai budaya Melayu, baik dari sudut pakaian, masakan, bahasa dan dalam konteks budaya yang luas termasuk mempunyai nilai akhlak yang tinggi. Sasterawan Negara Usman Awang, dalam sajaknya menggambarkan orang Melayu menjunjung nilai akhlak yang tinggi, contohnya jika bergaduh berlapik, jika menegur pun berkias.



Dalam konteks rangkaian kerjasama pula, dunia Melayu yang turut menjalinkan dunia Islam membentuk kerjasama dalam bidang dakwah, pendidikan, ekonomi, budaya, dan nilai sosial. DMDI merangka kerjasama pendidikan melalui perjanjian persefahaman antara institusi pengajian tinggi dan giat membina rangkaian kerjasama ekonomi antara negara. Dari sudut kebajikan pula, DMDI turut mengadakan ibadat korban di negara yang menyertainya. Melalui kesepakatan dan kerjasama yang telah dibina dan disorakkan oleh pimpinan DMDI, saya yakin DMDI ini akan terus cemerlang dan lebih utuh lagi.

Bagaimanakah pihak berwajib membendung perbezaan fikrah dan penuliran fahaman moden, seperti liberalisme dan pluralisme, serta ajaran sesat yang hebat melanda umat Islam daripada semakin parah? Tambahan pula, penyebaran fahaman dan ideologi tersebut semakin mudah ditularkan melalui media sosial.

Satu daripada peranan Jabatan Mufti Negeri Melaka termasuklah membendung masyarakat daripada terpengaruh dengan perkara yang akan menggugah dan merosakkan akidah, dan kembali berpegang kepada akidah yang sebenar. Pihak jabatan dan agensi agama sentiasa berusaha mengenal pasti beberapa elemen yang mempengaruhi pegangan dan keyakinan terhadap agama Islam, serta tersasar daripada manhaj atau aliran Ahli Sunah Waljamaah. Hari ini kita berhadapan dengan golongan antihadis, Syiah, Hizbut Tahrir yang menggagaskan pemikiran radikal, ajaran sufisme yang melampau dan tidak berpijak di bumi yang nyata, serta pemikiran moden, seperti liberalisme dan pluralisme.

Cabaran akidah dan pemikiran ini hendaklah dibendung dan dikawal daripada mempengaruhi umat Islam agar tidak menjadi parah. Pertama, pengawalan dari sudut penguasaan undang-undang. Fatwa yang dikeluarkan akan merujuk Muzakarah Fatwa Kebangsaan hal ehwal Islam di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri yang menyatukan fikrah mufti dari setiap negeri. Keputusan yang dicapai berdasarkan pemuafakatan dalam muzakarah tersebut. Elemen yang dikenal pasti mengganggu-gugat pegangan Islam di seluruh negara berdasarkan kajian dan analisis, serta maklumat yang diterima daripada pihak berkuasa dan pihak keselamatan. Fatwa yang diwartakan akan disusul dengan proses penguatkuasaan. Walaupun dalam konteks penguatkuasaan, banyak kes yang dicabar atas dasar kebebasan dan hak asasi manusia, kita

wajib membendung pengaruh ini untuk menjaga kepentingan umat Islam tadi seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Meskipun pelbagai asakan yang diterima, pihak berkuasa agama Islam perlu berhadapan dengan cabaran semasa demi menjaga kesucian agama Islam.

Hal yang membimbangkan pada hari ini ialah masyarakat akan berhadapan dengan perbezaan yang cenderung menggugat ketenteraman awam dan mempunyai elemen yang berbentuk jenayah seperti pembunuhan dan pertumpahan darah akibat ketaasuban terhadap sesuatu ajaran. Demikian juga elemen yang tidak sihat, seperti budaya mentakfirkan atau membidaahkan sesuatu kumpulan. Seluruh umat Islam seharusnya memahami dan menghormati perbezaan. Dalam adab perbezaan (*adab al-ikhtilaf*), pihak yang berselisih pendapat hendaklah saling menyantuni dan menerima perbezaan dengan berlapang dada dan mematuhi prinsip yang betul. Kita juga hendaklah memahami kontrak sosialnya yang terbina sejak ratusan tahun yang membentuk jiwa luhur masyarakat Melayu Islam. Selain itu, kita perlu menghormati nilai yang sedia ada dalam masyarakat. Setiap perbezaan yang timbul usah dibesar-besarkan dan dijadikan perdebatan yang berpanjangan dalam masyarakat, terutamanya dalam kalangan golongan agamawan.

Sejak akhir-akhir ini, perdebatan dalam perbezaan fikrah ini berlaku dalam media sama ada media aliran perdana atau media sosial sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Sedangkan, setiap perbezaan perlu diselesaikan melalui perbincangan dan perbahasan yang sihat secara bersemuka agar persefahaman dapat dicapai berdasarkan pandangan yang muktabar. Malah, kaedah seumpama ini selari dengan prinsip yang disebut dalam al-Quran yang bermaksud, "... dan bantahlah mereka dengan cara baik." (*Surah al-Nahl* 16:125), dan bukanlah dilontarkan melalui media yang tidak mendatangkan kebaikan kepada masyarakat seluruhnya.

Begitu juga prinsip meraikan kelaziman (*uruf*) dalam sesebuah masyarakat yang telah diamalkan sejak sekian lama. Kelaziman yang berlaku dalam masyarakat perlu diiktiraf dan boleh diterima dan diamalkan selagi tidak bertentangan dengan syarak walaupun tiada dalil. Oleh itu, setiap perbezaan perlu ditangani dengan penuh kebijaksanaan. Konsep wasatiah hendaklah menjadi keutamaan dalam usaha mencari kebenaran demi kemaslahatan umum dan membendung perpecahan.



Apakah pandangan Datuk Wira berkenaan dengan pemertabatan tulisan Jawi, khususnya di Melaka?

Tulisan Jawi merupakan satu daripada unsur ketamadunan Islam dan Melayu. Suatu bangsa yang dikatakan bertamadun bukan semata-mata dengan bahasa dan budaya sahaja, tetapi suatu tamadun bangsa lebih bermakna jika memiliki ilmu yang diserlahkan melalui bahan bacaan dan tulisan. Bahasa akan melahirkan satu aksara yang membina kälimah dan tulisan yang melahirkan khazanah ilmu. Dalam dunia rantau Melayu, antara kebanggaan kita ialah tulisan Jawi. Saya yakin walaupun kita berdepan dengan generasi yang kurang berminat, tetapi elemen Jawi harus diperkasakan sebagai satu khazanah yang menjadi senjata dan nilai kepada pembangunan hari ini. Jika anak-anak kita, sama ada pada peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi, menyahut cabaran mempelajari bahasa asing, seperti bahasa Mandarin, Tamil, Jepun, Perancis, dan sebagainya, tiada sebab kita hendak meminggirkan atau meninggalkan tulisan Jawi.

Setiap agensi agama Islam di negeri Melaka seluruhnya amat menyokong setiap usaha untuk memperkasakan tulisan Jawi. Sebagai contoh, penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda bangunan atau papan tanda jalan. Bagi negeri Melaka, khutbah Jumaat tetap ditulis dengan tulisan Jawi walaupun ada permintaan untuk menukar kepada tulisan Rumi. Sekolah agama negeri juga telah lama menggunakan tulisan Jawi dalam pembelajaran mereka. Tidak cukup sekadar itu, tulisan Jawi perlu dikuasai oleh kakitangan agensi agama Islam seharusnya menguasai Jawi dengan baik, sama ada untuk membaca ataupun menulis.

Di samping itu, ciri-ciri yang ada pada tulisan Jawi banyak memudahkan kita dalam penguasaan bahasa Arab kerana banyak perkataan dalam bahasa Melayu yang dipinjam daripada perkataan Arab, seperti ilmu, berkat, rahmat, masjid, dan banyak lagi. Maka itu, secara tidak langsung tulisan Jawi akan mempercepat proses untuk menguasai al-Quran. Pada hakikatnya, usaha pemertabatan tulisan Jawi ini juga boleh diperluas penggunaannya dalam surat rasmi kerajaan terutama agensi agama Islam, promosi menguar-uarkan program keagamaan dan surat jemputan dalam acara sambutan Maal Hijrah dan Maulidul Rasul. Hal ini telah pun dilaksanakan di Johor, khususnya oleh pihak istana Johor, dan boleh dicontohi oleh negeri

lain. Dengan ini, masyarakat akan lebih jelas akan hasrat kerajaan untuk mengangkat kepentingan tulisan Jawi. Mungkin suatu hari nanti kad undangan perkahwinan juga akan dipaparkan dalam tulisan Jawi. Bagi saya, hakikat ketamadunan Melayu ini hendaklah diiktiraf dan diterima dengan terbuka oleh masyarakat seluruhnya.

Apakah harapan Datuk Wira terhadap perkembangan Islam dalam suasana yang semakin mencabar kini?

Jika kita perhatikan, hari ini banyak negara Islam yang berhadapan dengan pelbagai ujian dan cabaran seperti akidah, perpecahan, konflik politik dan kemiskinan. Malah, tiada satu pun negara Islam yang boleh dijadikan contoh teladan yang unggul kepada umat manusia seluruhnya disebabkan banyak kelemahan dalam usaha mengatur sistem siasah, ekonomi dan sosial. Oleh itu, saya sentiasa berdoa kepada Allah agar seluruh umat Islam sentiasa dilindungi daripada kemelut yang berpanjangan. Tidak cukup sekadar doa, umat Islam mesti bersatu dan mempunyai kesatuan fikrah yang dapat membela dan menjaga kepentingan agama mengikut wilayah masing-masing berdasarkan satu manhaj agar kembali kepada konsep umat Islam sebagai umat yang terbilang. Umat Islam ialah umat yang terbaik di sisi Allah SWT. Jika kita meletakkan keimanan pada kedudukan yang tertinggi, yakni beriman kepada Allah Rabb al-Jalil, beramal soleh dan berakhlak sesama manusia. Firman Allah SWT dalam *Surah Ali 'Imran*, ayat 110 yang bermaksud, "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji)."

Di samping itu, umat Islam hari ini perlu menguasai ilmu untuk membina ketamadunan sesuatu bangsa dan negara dalam pelbagai bidang. Negara yang menjaga nilai ilmu akan membangunkan ekonomi, pendidikan, akhlak, pembangunan teknologi, dan pembangunan modal insannya mengikut acuan sendiri. Apabila sesebuah negara tidak menjaga nilai ilmu, sudah pasti negara yang kelihatan kaya dan hebat pun akan terjajah dengan pembangunan dan kemajuan yang dimiliki. Apatah lagi kemajuan yang didominasi oleh orang Barat yang sentiasa mengatur strategi untuk menghancurkan umat Islam. *Wallahu a'lam.* 